

RENUNGAN ATAS CAHAYA KEKAL¹. Oleh Hujjatul Islam Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali, 2020. Penerbit: Darul Minhaj dan edisi Abu Ala Afifi. Halaman 141. ISBN 978-995-3541-00-6

"Maka berimanlah kalian kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada Nur (cahaya) yang kami turunkan." (QS 4;174)

Cahaya hakiki hanya Allah SWT. Ia juga disebutkan sebagai akal pertama. Sumber pengetahuan yakni yang mengetahui cahaya-cahaya yang lain. Ia sumber pancaran terhadap sesuatu pengetahuan. Ia sumber cahaya mata batin. Ia adalah cahaya yang menaungi cahaya di langit dan di bumi.² Meliputi seluruh alam ini. Justeru, cahaya bukan kilauan terbit dari penglihatan kelopak mata. Cahaya sebenar-benar itu adalah dari nur ilahi. Ia memancarkan pada jiwa atau akal manusia. Ia mempunyai sifat kesempurnaan yang digelar sebagai akal, roh dan jiwa insaniah.³

Seperti disebutkan dalam hadis Nabi Muhammad SAW:

"Yang pertama-tama dijadikan oleh Allah ialah akal" – (Hadis Dawud Ibn Mejar daripada Abu Hurairah)

Allah SWT menamakan akal itu dengan *nur*. Firman-Nya yang bermaksud:

"Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat"⁴

Tidak ada cahaya melainkan dari-Nya. Menurut Saidina Ali rhm bahawa cahaya ilahi itu menerangi seluruh isi langit dan bumi. Kebenaran cahaya tersebut menyinari hati manusia dalam mengenal Tuhan. Ia punca mengalirnya pengetahuan dalam sanubari yang hidup. Cahaya itu menghidupkan jiwa dan akal sekali gus ia menggerakkan wujud-wujud yang lain.⁵ Sebagaimana rahmat Allah SWT kepada kewujudan dan sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Justeru, selain yang menggerakkan dari itu adalah cuma cahaya kiasan. Bukan hakiki. Sebaliknya ia adalah kegelapan yang memadamkan cahaya kebenaran. Seringkali kegelapan itu menutupi pandangan kebenaran. Ketertutupan dari pancaran itu menggelapkan hati. Manusia yang mudah tertipu pada prasangka kegelapan yang seringkali dianggap cahaya. Sedangkan hati dan jiwa terbatas dalam melihat hakikat sesuatu di sebalik pencahayaan tersebut. Mereka sekadar menerobosi cahaya pada sebahagian sisi. Bukan keseluruhan sisi. Sangkaan ia menyeluruh pada pandangan zahir yang penuh dengan kekeliruan dan batas.

¹ Renungan ini berdasarkan pada bacaan kitab *Misykat al-Anwar* karya Hujjatul Islam Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali. Penulis menggunakan rujukan kitab terbitan Darul Minhaj dan edisi Abu Ala Afifi.

² Menurut Imam Az-Zamakhsyari dalam tafsir al-Kasyaf bahawa ayat mengenai cahaya dalam surah an-Nur pada ayat 35 merujuk kepada pencahayaan ilahi iaitu kebenaran dan syariat atau agama yang benar dan baik seluruhnya, tanpa ada cacat cela. Cahaya atas cahaya itu ertinya misykat, ditambah cahaya kaca, ditambah cahaya minyak sebelum dipasang dan cahaya semuanya telah dipasang lampu tersebut, menyebabkan tidak ada cahaya apa pun yang melebihi cahaya Allah tersebut. Maka cahaya Allah atau agama Allah itu ibarat lampu di dalam lampu.

³ Menurut pandangan Hujjatul Islam Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali, *Ihya Ulum ad - Din*, hlm 306 Jilid 1.

⁴ Nur 24:35

⁵ Mengenai wujud-wujud yang lain boleh juga dirujuk pengistilahan yang disebut oleh Suhrawardi iaitu *Nur al-Aqrab*, nur yang timbul dari pancaran-pancaran dari nur yang pertama. Nur yang paling hampir dengan ilahi adalah nur paling tertinggi.

Maka, pandangan kebenaran dari mereka itu dicapai pada pandangan zahir. Bukan pada pandangan sebenar-benarnya yang menyeluruh dan universal. Bahkan pandangan tersebut tidak mampu dan terbatas kerana akibat ketidaksediaannya dalam meraih cahaya dari langit – Cahaya Mutlak.

Kelemahan dan keterbatasan ini lah disebut dengan pandangan kebenaran dari mata inderawi.

Keterbatasan Cahaya Inderawi

Cahaya inderawi adalah pandangan zahir dari mata banyak kelemahan. Ia tidak mampu mencapai hal-hal bersifat transenden. Kerana itu sesuatu pengetahuan hakiki tidak mampu dicapai melalui daya inderawi semata-mata. Ia tidak mampu membaca dan mencerpah bahasa, tanda-tanda yang terkandung dalam bahasa ilahi. Kerana keterbatasan inderawi tidak mampu mencapai hal itu. Ia tidak mencapai pada hal-hal ghaib. Bahkan ketidakmampuan ia dalam menerobos kebatinan dan rahsia ketuhanan yang ada di bumi atau di langit. Ia tidak mampu melihat terlalu jauh dan dekat dari pandangan mata atau dibalik hijab.

Kelemahan itu lebih jelas kerana ia tidak mampu melihat di luar dari jangkauan. Ia boleh menerobos hal-hal bersifat sesuatu yang ada (*al-maujudat*). Namun tidak pada hal-hal seperti yang dapat difikirkan (*al-Ma'qulat*) apatah lagi hal bersifat perasaan (*al-mahsusat*)

Oleh itu mata inderawi tidak mampu menangkap tentang persoalan tentang batin rasa, bau, bunyi, gembira, sedih, gelisah, batas warna dan bentuknya. Jauh terbayang menjangkau pandangan kebenaran. Pandangan inderawi hanya bergulat dalam hal-hal yang tampak dari mata zahir. Tidak pada mata batin. Kerana itu pengetahuan hakiki diperolehi tidak hanya melalui daya inderawi semata-mata, ia perlu kepada akal yang menembusi cahaya batin.

Fungsi akal (cahaya) ini adalah mengabstraksikan pengetahuan inderawi dan menangkap pengetahuan lain yang berada disebalik pengetahuan inderawi tersebut.⁶ Lihat contoh seperti dinding, misalnya sebuah kamera hanya mampu menangkap gambar sebatas permukaandinding tersebut, namun kamera seperti sinar X mampu melihat hal yang terdapat di balik dinding penghalang tersebut. Contoh lain adalah seperti cermin merupakan salah satu perumpamaan betapa cahaya akal mampu memantulkan cahaya hakiki dan pengetahuan. Semakin terang dan jernih cermin itu semakin terpantul gambar yang jelas. Seandainya kabur dan kotor cermin tersebut, mustahil mampu menghasilkan pantulan yang jelas. Begitulah sesuatu pengetahuan, jika hanya inderawi satu-satunya sumber kebenaran, ia tidak mampu mencapainya tanpa wujudnya cahaya akal.

Seperti disebut dalam puisi Arab,

Cahaya akal terhalang kerana menuruti hawa nafsu.

Kerana kebenaran yang tersingkap di dalam al-Quran dan merupakan tanda-tanda ilahi itu hanya mampu difahami oleh orang-orang yang mempunyai daya pengetahuan yang benar, pemikiran yang bersih, hati yang jernih sekali gus mampu memmanifestasikan tanda-tanda dan sifat ilahi

⁶ Murtadha Muthahhari, dalam buku Teori Pengetahuan diterjemahkan dari Mas ale ye Syenokh, terbitan institute for humanities and cultural studies, Tehran, cetakan kedua 1997. Edisi terjemahan ini diterbitkan SadraPress, Jakarta 2001.

kerana cahaya akal bukan sahaja mampu mencapai kefahaman horizontal tetapi menyusup secara vertikal ke dalam. Demikian alam semesta ini adalah tanda dan memperoleh pengetahuan metafizika ini hanya melalui pengetahuan dari sumber cahaya akal. Kerana selama kita belum mengenal pengetahuan, maka di situ kita masih gagal memahami realiti alam.

Justeru penglihatan mereka terhadap pencahayaan tidak lebih sekadar cahaya kiasan yang terbatas dan hanya mengaburi pandangan kebenaran. Malangnya sikap bermati-matian menatang kegelapan dianggap sebagai cahaya. Demikian ketidakmampuan dan kejahilan tersebut telah mengelirukan pandangan kebenaran. Tanpa pancaran, ia sukar menghantarkan pengetahuan penetapan konsepsi Allah sebagai Tuhan yang berkuasa mutlak. Kejahilan itu tidak mungkin terbentuk dari hubungan antara hamba dan Tuhan. Sebagai *abd* yang berserah diri serendahnya pada kuasa paling agung. Hal ini bertentangan dengan konsep penyerahan, patuh dan taat. Penolakan ini disebut al-Quran sebagai hati yang mengeras.⁷

Cahaya akal tidak mampu menembusi pada pemikiran yang jahil dan hati yang zulumat. Kesombongan dan kejahilan ini pernah ditunjuki orang-orang jahiliyah sewaktu menepis risalah kewahyuan. Sikap *istikbar* mereka ini menutupi ruang *ilm* atau disebut pengetahuan yang dapat meluapkan kejahilan ini. Sikap *ilm* sebaliknya dapat mengawal segala nafsu kebinatangan yang menguasai diri kejahilan. Sikap pengetahuan ini dapat mengendalikan ketenangan dalam diri seseorang. Justeru, pengetahuan tidak wujud tanpa dari pancaran cahaya akal tersebut. Bahawa sikap *ilm* ini memancarkan manifestasi *waqar* yakni sikap yang teguh dan gagah. Sudah tentu sikap ini berlawanan dengan manifestasi dari sikap *jahl* yang memancarkan sikap *zulm* atau keganasan.⁸

Kejahilan ini tidak menampakkan dan ketidakmampuan untuk memahami kehendak Tuhan disebalik alam dan gagal mencerap sisi transenden ilahi yang menzahirkan bentuk manifestasi-Nya. Bagi orang jahil, segala peristiwa cuma sekadar peristiwa yang tidak punya simbol terhadap sesuatu. Ketidak temuan cahaya akal lalu menjadikan diri dan jiwanya buta dan tuli dalam memahami ayat-ayat *bayyinah* “bukti – tanda-tanda” terhadap kebenaran agama.

Dan jika Kami turunkan malaikat pun kepada mereka, dan orang-orang yang mati (hidup semula lalu) berkata-kata dengan mereka, dan kami himpulkan pula tiap-tiap sesuatu di hadapan mereka (untuk menjadi saksi tentang kebenaran Nabi Muhammad), nescaya mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika dikehendaki Allah; tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenar).⁹

Kemuncak cahaya tertinggi itu terbuka pada hati paling tinggi dikehendaki-Nya. Ruhaniah yang diberikan Allah SWT kepada setiap manusia atau jiwa berfikir. Sebagaimana pohon kayu zaitun diumpamakan kekuatan berfikir pada manusia itu telah menghasilkan minyak-minyak lampu akal ruhaniah yang cukup kuat dalam menerangi kehidupan.

Kemudian ia hadir dalam kesediaan hati untuk menerima pencahayaan tersebut. Seperti

⁷ Dicatatkan dalam buku *God and Man in the Koran* oleh Toshihiko Izutsu. Islam atau kata kerja *aslama* berdasarkan pengertian yang digunakan dalam frasa *aslama wajha hu lil allahi* bererti ia telah menyerahkan wajahnya kepada Allah. Surah al-Baqarah 128. Namun penyerahan wajah dan penyerahan tidak terjadi tanpa wujudnya anugerah cahaya ilahi dalam diri seseorang itu akibat kejahilan dan jiwa mereka yang buta dan tuli.

⁸ Ibid, *God and Man in the Koran* oleh Toshihiko Izutsu.

⁹ Surah al-An'am:111

seseorang itu telah mempersiapkan diri, jiwa dan raganya untuk meraih pencerahan dari langit. Seiring kehendak mutlak-Nya atas sesuatu sejak azali. Maka kesempurnaan itu terlaksana apabila terjadinya sesuatu limpahan dan curahan “Rahmat” atau cahaya dari langit kepada hamba-Nya di bumi. Melalui perjalanan kerohanian tersebut lalu menembusi cahaya dari hati sekali gus mata batinnya.

Namun, seandainya hati itu tidak diletakkan pada posisi kesediaan (*isti'dad*) nya pada ketetapan Lauhul Mahfuz, maka ia tidak akan menggapai posisi tersebut walau sebaik dan salihnya hati itu dalam mengerjakan amal salih. Ketidaktepatan dalam posisi yang benar ini seperti seseorang yang melaksanakan solat tanpa kerohanian hakiki. Jasmaninya yang solat. Bukan hatinya. Sebaliknya ia terus dalam rasa was-was dari Syaitan.

Hal ini menandakan bahawa ketidaksiapan hati itu untuk memahami kerahsiaan-kerahsian dan tanda-tanda horizontal yang halus dari ketuhanan melalui jalan mengenali asma' dari-Nya. Kerana hal-hal ini akan mengganggu atau menjadi halangan kepada seseorang untuk mendapatkan kasyaf yang hakiki.

Justeru, Tuhan menghadirkan cahaya berdasarkan kepada tingkatan-tingkatan kerohanian daripada hamba-Nya yang sudah siap untuk menerima limpahan suci dari langit. Hal ini disebut oleh Ibn Arabi sebagai penerima (*Fayd Muqaddas*) limpahan suci dari wujud mutlak (*Fayd Aqdas*)¹⁰ Sesungguhnya hakikat cahaya kebenaran itu dapat dicapai oleh kalangan khusus. Yang benar-benar menggapai pencerahan tersebut dari mata batinnya – Pengalaman kerohanian.

Sebagaimana disebutkan dalam firman Allah SWT bahawa ia adalah tanda kepada pertumbuhan yang benar-benar sempurna yang mana dicapai dari pengalaman kerohanian – *ahl kasyf*

وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا

"Dan Allah telah menumbuhkan kamu (hidup dari benda-benda yang berasal) dari bumi, dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna,

Makna “*seungguh-sungguh sempurna*” itu menandakan kepada kesiapan atau kesediaan hati hamba-Nya dalam menuruti perintah sehingga benar-benar mencintai dan mengenali cahaya ilahi sehingga kesempurnaan itu terpancar hasil dari mata batinnya itu iaitu “*bashirah*”

Maka dengan itu segala penyingkapan kerahsiaan ilahi terungkap pada cahaya akal – ketajaman dari mata batin. Itulah pengetahuan yang terpancar dari pantulan kebenaran hakiki sekali gus ia menjadikan segala tindakan yang terhasil berada dalam rahmat dan petunjuk ilahi.

Demikian dalam diri manusia itu mempunyai suatu mata yang sempurna. Ia tidak dibuka kepada semua manusia melainkan kesediaan seseorang itu untuk menerimanya. Hal inilah disebut sebagai ketajaman mata batin – *Basyirah*. Yang memiliki sifat sempurna. Ia disebut sebagai mata yang mempunyai akal, ruh dan jiwa manusia.

¹⁰ Kitab Futuhat al-Makkiyah, Ibn Arabi, Dar al-Kotob al-Ilmiyah (DKI) Beirut 2011.

فَكَشَفْنَا عَنْكَ غِطَاءَكَ فَبَصَرُكَ الْيَوْمَ حَدِيدٌ

“Telah kami buka hijab yang menutupinya dan kini penglihatanmu sungguh tajam.” (50:22)

Suatu renungan yang telah dihadirkan dengan sinar pencahayaan dari langit. Seperti mata inderawi yang tidak boleh menembusi hal-hal jauh dan dekat, tetapi cahaya akal ini mampu bergerak bebas sehingga dapat menggapai sekitar singgahsana ilahi atau di alam malakut.¹¹ Ia mampu naik kemuncak langit tertinggi. Kemuncaknya adalah menggapai hakikat kebenaran wujud Tuhan. Kerana itu ia dapat dimiliki oleh kalangan tertentu. Yang sedikit.

Imam al-Ghazali kitabnya *Misykat al-Anwar* mengkategorikan beberapa golongan dalam mentakrifkan kefahaman terhadap pancaran cahaya yang meliputi orang-orang awam, orang khusus dan orang paling tertinggi darjat ketakwaannya disebut sebagai golongan khawasul khawas. Maka pancaran cahaya itu mempunyai lafaz yang sama tetapi makna dan pantulan yang berbeza mengikut kelas derajat tingkatan kerohanian seseorang. Justeru kata cahaya itu berkembang dan berbeza mengikut pengertian yang banyak.

Maka, golongan terakhir dan paling kemuncak inilah yang dikatakan al-Ghazali sebagai *khawasul khawas* adalah orang-orang yang telah menerima limpahan cahaya akal ilahi dan dibukakan pintu hijabnya. Mereka mewakili Tuhan di alam ini yang memancarkan cahaya paling tertinggi sekali gus memanifestasikan sifat ilahi sebagai tugas hamba dan manusia yang diberikan kurniaan limpahan hikmat ilahi daripada-Nya.

Cahaya Akal sebagai hikmah ilahi (Devine Intelligence)

Berikutan itu, sedikit dari mereka yang menyedari bahawa tentangan dunia moden pada hari ini mengenai masalah-masalah kekeliruan dalam pengetahuan yang tidak pantas dapat dijawab dengan penafsiran rasional dan pandangan pengetahuan melalui daya inderawi semata-mata dalam menyingkap kebenaran.

Seseorang harus membezakan penggunaan akal dan logika dengan rasionalisme yang menjadikan akal sebagai satu-satunya kriteria untuk menilai kebenaran. Jika rasionalisme sebagai upaya membangun suatu sistem didasarkan atas akal sahaja maka hal ini sudah lama dimulai oleh Descartes. Ia merujuk ego manusia bukan intelek ilahi. (*Cogito ergo sum*) Tetapi tidak dalam tradisi keislaman yang merujuk kepada kembali kepada fitrah iaitu keislaman yang hanif. Sikap tunduk dan patuh sekali gus membuang sikap fanatisme yang menutupi jalan pengetahuan ilahi. Kerana pantulan cahaya ilahi itu hanya mampu dicapai oleh hati dan jiwa yang suci.

Lihatlah hasil kebijakan dan pencerahan orang-orang di barat yang tertanamnya rasionalisme abad 17 ialah dengan bangunan pencakar langit moden namun demikian karya mereka lahir kerana kurangnya pengertian transenden ilahi. Sebaliknya cahaya akal mengikat manusia

¹¹ Alam Malakut adalah alam rohani, alam tertinggi, alam akal yang mengandungi di dalamnya daerah di langit, ruh, malaikat, Tuhan. Orang yang mengingkari alam malakut ini seperti keutamaan pada alam keduniaan semata-mata tanpa adanya cahaya-cahaya dari alam malakut ke dalam jiwanya itu kecenderungan itu akan selalukepada hal-hal antikemanusiaan.

kepada kebenaran tuhan sendiri. Cahaya akal lah yang memandu manusia ke jalan yang lurus dan mencegah dari kesesatan. Dalam al-Quran bahawa orang yang gagal memaknai akalnya seringkali terjerumus ke lembah kesesatan.

Maka, pengetahuan atau ilmu (*al-ilmu*) yang menjadikan manusia mengenal dan kembali kepada Tuhan melalui keluasan mata batin dan sinarnya cahaya dalam hatinya sekali gus mindaintelek ilahi itu mampu memancarkan sikap-sikap rahmat dan kemanusiaan dalam kehidupan. Justeru, intelek alat untuk mendapatkan jenis pengetahuan yang suatu ketika merupakan sumber wahyu dan timbul secara mikrokosmos dalam diri manusia. *Aql* adalah *intelectus* atau *ratio* atau fikiran.¹² Ia serupa matahari luhur menyinari batin manusia dan pancaran matahari inilah pada dataran jiwa yang kita sebut sebagai hikmah fikiran ilahi (*DevineIntelligence*).

Akhirnya dengan itu, seseorang dapat bergerak dari pancaran sumbernya yang sesekali menunjukkan bahawa *aql* tak tergelapkan oleh nafsu dan ia menunjukkan bahawa ia merupakan intelek yang segar, seimbang dan selaras - *al-aql al salim*. Namun jika *aql* dikaburkan dengan *nafs* maka ia akhirnya berakhir dengan menjadi tirai yang menutupi manusia dari tuhan dan membawa kepada kesesatan. Maka wahyu tidak diperlukan lagi.

Sesungguhnya apa yang boleh dihidupkan dan dipelihara kembali adalah suatu pandangan hidup yang menyeluruh khususnya unsur metafizika yang memiliki akar yang tersingkap di dalam al-Quran (ruh mahfuz) dan menurunkannya dari cahaya intelek – suatu cahaya yang demikian terikat dengan al-Quran baik sumber atau kandungannya. Demikian, dalam cahaya kearifan ini bahawa seseorang itu dapat menghidupkan suatu falsafah pandang alam tentang kehidupan manusia, alam dan adab bagi meletakkan sesuatu neraca kebenaran.

Rujukan

God and Man in the Koran oleh Toshihiko Izutsu. Islamic Book Trust (January 1,2002).

Ihya Ulum ad - Din karya Hujjatul Islam Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali.

Kitab Futuhat al-Makkiyah, Ibn Arabi, Dar al-Kotob al-Ilmiyah (DKI) Beirut 2011.

Living Sufism, Hossein Nasr, 1980

Misykat al-Anwar karya Hujjatul Islam Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali. Penulis menggunakan rujukan kitab terbitan Darul Minhaj dan edisi Abu Ala Afifi.

Murtadha Muthahhari, dalam buku Teori Pengetahuan diterjemahkan dari Mas ale yeSyenokh, terbitan institute for humanities and cultural studies, Tehran, cetakan kedua 1997. Edisi terjemahan ini diterbitkan Sadra Press, Jakarta 2001.

Suhrawardi, *The Shape of Light (Hayakal al-Nur) Fons Vitae*, Second Printing 2006.

Mohd Syazreen Abdullah¹³

Universiti Malaya

¹² Living Sufism, Hossein Nasr, 1980

¹³ Graduan Universiti Yarmouk Jordan dan Sarjana Universiti Malaya, Malaysia.